

**Bukan mudah sogok 150,000 perwakilan Umno, kata Shafie Apdal**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 9 , 2013**  
**OLEH MD IZWAN**

Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (gambar) yakin politik wang dapat dielakkan pada pemilihan Umno kali ini, serta menegaskan sistem baru yang diperkenalkan akan memperlihatkan ketelusan.

Naib Presiden Umno itu berkata, ia bukan satu tugas mudah untuk mana-mana calon yang bertanding kali ini bagi menyogok kira-kira 150,000 perwakilan daripada lebih 20,000 cawangan Umno di seluruh negara untuk mengundi mereka pada pemilihan kali ini.

"Bukan mudah pihak hendak sogok dia, jadi saya harap penentuan pimpinan mendatang ini berdasarkan dengan keupayaan, berdasarkan dengan peremajaan proses yang perlu kita lalui sebagai pemerintah," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani Ikrar Integriti antara Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Setapak Jaya hari ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu berkata, pemilihan parti kali ini bukan bertujuan melemahkan parti, sebaliknya ia harus dijadikan platform untuk mengukuhkan Umno selaku parti yang memerintah Malaysia.

"Apa yang penting bagi kita pertandingan ini menguatkan parti, bukan melemahkan parti dan memecah-belahkan parti," katanya.

Ketika ditanya mengenai pengumuman Tan Sri Isa Abdul Samad dan Datuk Seri Mohd Ali Rustam untuk merebut jawatan sebagai Naib Presiden pada kali ini, Shafie berkata, beliau menghormati hak individu yang ingin bertanding.

"Mereka adalah rakan, kita tidak boleh menghalang.

"Mereka mempunyai kelebihan, dan keyakinan tersendiri. Kita serahkan kepada perwakilan untuk tentukannya sendiri," katanya.

Shafie juga menegaskan gandingannya dengan dua lagi Naib Presiden iaitu Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi seperti sebuah keluarga kerana persefahaman di antara satu sama lain.

"Jadi koordinasi kita sudah tahu antara satu sama lain, kita saling mengenali.

"Jadi dalam pengurusan pentadbiran sebagai sebuah kerajaan kita mengenali satu sama lain," katanya.

Pemilihan Umno yang akan diadakan secara serentak pada Oktober depan untuk memilih pemimpin di peringkat bahagian dan pusat bukan saja penting untuk kelangsungannya menghadapi pilihan raya akan datang, bahkan juga ujian kepada ahli peringkat akar umbi yang pertama kali diberi peluang memilih pemimpin serta mencorakkan parti itu.

Jika dulu hanya kira-kira 2,500 perwakilan terpilih yang akan menentukan pemimpin di peringkat atasan tetapi kini peluang itu sudah diperluaskan kepada kira-kira 150,000 perwakilan daripada lebih 20,000 cawangan Umno di seluruh negara.

Perhimpunan Agung Khas Umno pada Oktober 2009 meluluskan pindaan iaitu perwakilan bakal menentukan kepemimpinan Umno dengan menghapus sistem kuota, persidangan mesyuarat perwakilan secara serentak dan menambah bilangan ahli jawatankuasa lantikan Wanita.

Maka, peluang ini perlu digunakan dengan sebaik-baiknya dan mereka yang berjumlah lebih 150,000 ini seharusnya tidak lagi mengikut acuan yang pernah digunakan oleh 2,500 perwakilan sebelum ini yang begitu mudah diatur serta ditentukan telunjuknya. – 9 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bukan-mudah-sogok-150000-perwakilan-umno-kata-shafie-apdal>